

Fokus kelas pertama

Kolej TAR pastikan program ditawarkan relevan sistem pendidikan tinggi negara



LAMAN IPTS

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

KOLEJ Tunku Abdul Rahman (Kolej TAR) yang beroperasi sejak empat dekad lalu mengutamakan kemudahan pendidikan kelas pertama bagi memastikan program ditawarkan terus relevan dengan sistem pendidikan tinggi negara.

Pengetuannya, Dr Tan Chik Heok, berkata antara usaha dilakukan ke arah itu ialah mewujudkan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di kawasan selebar 100,000 kaki persegi di kampus Jalan Genting Kelang, Setapak, Kuala Lumpur.

Beliau berkata, penubuhan pusat baru itu diharap dapat memangkin pembudayaan ICT dalam pengajian di Kolej TAR serta menjadikan pengurusan-nya lebih mudah.

Selain itu, katanya, bangunan pentadbiran baru setinggi enam tingkat yang turut memuatkan auditorium serta pusat pameran dijangka siap pertengahan tahun depan.

"Sejak ditubuhkan pada 1969,

bantuan kewangan daripada kerajaan membolehkan pelajar menikmati subsidi yuran 50 peratus antara tarikan utama mereka mengikuti pengajian di Kolej TAR.

"Namun kebanyakan pelajar kami sekarang daripada keluarga berpendapatan sederhana dan mereka bukan saja mementingkan kos pengajian berpatutan, malah pendidikan berkualiti sejajar perkemba-

ngan semasa.

"Penyediaan kemudahan kelas pertama yang sedang dibangunkan diharap dapat memberikan pengalaman pengajian berkualiti dan menyeronokkan kepada lebih 25,000 pelajar di enam kampus Kolej TAR seluruh negara dan mendorong mereka mengekalkan hubungan sebagai alumni," katanya.

Mengulas pencapaian sepanjang kolej itu ditubuhkan, Tan berkata lebih 140,000 graduan-nya kini berada di pasaran pekerjaan dalam pelbagai bidang.

Katanya, kejayaan menghasilkan pelajar cemerlang di kalangan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan A-Level menerusi Sekolah Pengajian Prauniversiti (SPUS) antara pencapaian utama kolej itu.

"Kebanyakan pelajar SPUS meneruskan pengajian dalam bidang perubatan, pergigian, kejuruteraan, seni bina dan perundangan di universiti awam dan swasta di dalam serta luar negara.

"Pelajar kami, Elaine Ngiam Yee Ling yang mendapat 5A

dalam STPM 2008 turut menjadi antara 13 pelajar terbaik peringkat kebangsaan.

"Selain itu, pelajar Kolej TAR juga muncul sebagai pelajar cemerlang di peringkat antarabangsa dan kebangsaan bagi tiga tahun berturut-turut berdasarkan pencapaian mereka dalam peperiksaan Cambridge A-Level," katanya.

Dr Tan berkata program sambutan ulang tahun Kolej

TAR bermula sejak Mac lalu hingga bulan depan dengan penganjuran pelbagai aktiviti termasuk pelancaran logo dan pameran ulang tahun ke-40; Cabaran Sukan Alumni, Kaki-tangan dan Pelajar; pameran fesyen, Odyssey Night, Kempen S.O.S Earth, pertandingan fotografi, penerbitan buku 'Celebrating 40th Anniversary with a Pictorial Journey', serta majlis makan malam alumni.

Sejak ditubuhkan pada 1969, bantuan kewangan daripada kerajaan membolehkan pelajar menikmati subsidi yuran 50 peratus antara tarikan utama mereka mengikuti pengajian di Kolej TAR"

Dr Tan Chik Heok
Pengetua
Kolej Tunku Abdul Rahman



PENGERUSI Kolej TAR, Tan Sri Ong Ka Ting (dua dari kanan) melancarkan buku *Celebrating 40th Anniversary with a Pictorial Journey* sambil diperhatikan Dr Tan sempena program Variety Show - 40th Anniversary, baru-baru ini.